Libat Urus Antarabangsa

Pada tahun 2022, pendekatan Bank terhadap libat urus antarabangsa tertumpu pada usaha untuk meningkatkan perbincangan mengenai cabaran dasar, khususnya bagi ekonomi sedang pesat membangun. Hal ini juga bertujuan untuk menambah baik kerjasama global dan serantau dalam mengukuhkan daya tahan dan menggalakkan kelestarian.

Mempertingkatkan perbincangan global mengenai cabaran dasar

Pada tahun 2022, Bank telah bekerjasama dengan banyak organisasi antarabangsa merentas pelbagai platform untuk meningkatkan perbincangan dasar dan mengenal pasti penyelesaian bagi isu-isu penting pada Malaysia serta ekonomi yang sedang pesat membangun. Bank bersama-sama dengan IMF[1] telah menganjurkan seminar yang bertajuk *Policy Challenges and Tools in an Uncertain, Complex and Evolving Landscape*. Seminar ini membincangkan kesan kenaikan kadar faedah global, interaksi antara dasar fiskal dengan monetari dan potensi tindak balas terhadap cabaran dasar ini.

Bank juga bekerjasama dengan BIS[2] untuk menerbitkan laporan mengenai *Foreign Exchange Markets in Asia-Pacific*. Laporan ini memberikan gambaran keseluruhan dan rumusan penting mengenai dasar pasaran pertukaran asing di rantau ini termasuk perkembangan tentang pasaran pelindung nilai dan hubungan antara pasaran pertukaran asing dengan aliran modal. Sebagai pengerusi *BIS Markets Committee Workshop on Funding for Lending Programmes*, Bank telah mengetuai perbincangan tentang jenis pembiayaan kos rendah oleh bank-bank pusat untuk program pinjaman bersasar (seperti Kemudahan Automasi dan Pendigitalan PKS[3] dan Kemudahan Bantuan Khas oleh BNM), termasuk objektif, reka bentuk dan keseimbangan program. Bengkel tersebut melengkapkan bank-bank pusat dengan pemahaman untuk menyokong rangka dasar berkaitan dengan pendanaan untuk pemberian pinjaman dan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Memperkukuh daya tahan dan menggalakkan kelestarian

Peralihan ke arah ekonomi yang lebih hijau: Bank mempergiat sokongan antarabangsa terhadap peralihan yang adil dan teratur ke arah ekonomi yang lebih hijau. Bersama-sama dengan rakan kongsi seperti Banque de France, Deutsche Bundesbank, De Nederlandsche Bank dan Monetary Authority of Singapore, Bank melaksanakan agenda kelestarian merentas pelbagai platform utama seperti ASEAN, EMEAP[4] dan NGFS[5]. Berikutan kepakaran dalam risiko berkaitan iklim masih terhad dalam sektor kewangan, Bank menekankan kepentingan bina upaya dan kebolehsuaian dalam rangka kerja dan pendekatan Bank semasa pembentangan di COP27[6], IMF dan UNESCAP[7].

Bank juga bekerjasama dengan Bank Dunia untuk menerbitkan laporan bersama bertajuk *An Exploration of Nature-Related Financial Risks in Malaysia*. Laporan ini menggariskan cara bank-bank Malaysia terdedah pada pelbagai risiko fizikal dan peralihan berkaitan alam semula jadi. Risiko ini termasuk penggunaan sumber yang berlebihan

[1] Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, IMF)
[2] *Bank for International Settlements* (BIS)
[3] Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)
[4] *Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks* (EMEAP)
[5] *Network for Greening the Financial System* (NGFS)
[6] *United Nations Framework Convention on Climate Change Conference of Parties* (COP27) 2022 yang diadakan di Mesir pada 6 hingga 20 November 2022 merupakan persidangan terbaharu dalam siri persidangan tahunan PBB yang melibatkan 198 negara UNFCCC. COP membincangkan tindakan dasar dan menilai pelaksanaan berkaitan dengan perubahan iklim.
[7] *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP)

dan pencemaran, pengenalan dasar iklim secara tiba-tiba dan banjir teruk. Usaha ini membantu Bank untuk memahami dengan lebih baik tentang kesan risiko berkaitan alam semula jadi terhadap sektor kewangan Malaysia. Perkara ini diperincikan lagi dalam Bab 2.2: *Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Hijau.*

Bank kekal komited untuk membangunkan Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan melalui *ASEAN Taxonomy Board* (ATB). Sebagai pengerusi bersama NGFS Task Force on Capacity Building, Bank mengetuai usaha untuk mengenal pasti amalan baik bagi bank-bank pusat dan pengawal selia melangkaui sempadan ASEAN. Usaha ini termasuk merangka dan membangunkan program bina upaya, pemetaan keperluan dan bekalan latihan serta menyokong peningkatan kemahiran pengamal.

Memajukan kewangan Islam: Bank terus mencapai kemajuan dalam meningkatkan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam pada peringkat global, sejajar dengan hasrat Bank untuk meletakkan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Untuk tujuan ini, Bank berkongsi pengalaman pembangunan kewangan Islam dan teknologi kewangan (fintech) Malaysia dengan negara anggota OIC[8].

CSAA[9], iaitu rangkaian global cendekiawan Syariah yang ditubuhkan oleh Bank untuk membincangkan isu-isu Syariah, terus mendapat sokongan apabila bilangan negara peserta meningkat kepada 18 negara pada tahun 2022[10]. Sebagai ahli IFSB[11], Bank menyokong usaha mereka sebagai badan penetapan piawaian antarabangsa bagi industri perkhidmatan kewangan Islam. Bank menyertai *4th IFSB Innovation Forum dan SC-UNDP International Islamic Finance Conference*. Melalui libat urus ini, Bank berkongsi tentang kepentingan penerimaan pendigitalan, peranan Lembaga Syariah dalam menyokong inovasi bagi sosial dan pembangunan yang mampan, membina rangkaian rakan kongsi yang boleh dipercayai serta memanfaatkan sektor kewangan untuk membolehkan peralihan yang teratur ke arah ekonomi yang lebih hijau.

[8] *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC)
[9] Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat (*Centralised Shariah Advisory Authorities*, CSAA) dalam Kewangan Islam
[10] CSAA dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab 1.5: 'Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif' dan dalam Rencana Sorotan bertajuk 'Memupuk Hubungan Antarabangsa dalam kalangan Lembaga Syariah Berpusat dalam Kewangan Islam'.
[11] *Islamic Financial Services Board* (IFSB)

Mencegah dan memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan: Pada tahun 2022, Bank mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti *Financial Action Task Force* (FATF)[12] dan badan-badan serantau berkaitan FATF. Pada bulan Julai 2022, sebagai pengerusi bersama Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG)[13], Bank menjadi tuan rumah Mesyuarat Tahunan APG hibrid yang pertama. Mesyuarat tersebut menarik 400 perwakilan antarabangsa dan membincangkan isu-isu dasar yang berkaitan dengan jenayah kewangan serius dan bantuan teknikal untuk negara-negara anggota APG.

Bank juga memainkan peranan sebagai pengerusi bersama Financial Intelligence Consultative Group (FICG)[14] yang terdiri daripada agensi perisikan kewangan dari ASEAN, Australia dan New Zealand. Sebagai pengerusi bersama FICG, keutamaan Malaysia termasuk Projek Pelbagai Bidang Kuasa Anti Penipuan (*Multi-Jurisdictional Anti-Fraud Project*) yang bertujuan untuk melaksanakan strategi operasi bagi memerangi penipuan. FICG juga akan menganjurkan hackathon pada bulan Mei 2023 untuk menggalakkan sektor awam dan sektor swasta menggunakan analisis data dalam operasi pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Memperkukuh jaringan keselamatan kewangan luaran[15]: Pengaturan jaringan keselamatan kewangan luaran Bank mempertingkatkan rizab pertukaran asing Malaysia dengan menyediakan daya tahan tambahan terhadap potensi krisis kewangan. Pada bulan Jun 2022, Bank menandatangani Pengaturan Mudah Tunai Renminbi (*Renminbi Liquidity Arrangement*) dengan BIS yang membolehkan bank-bank pusat peserta, iaitu Bank Negara Malaysia, People's Bank of China, Monetary Authority of Singapore, Bank Indonesia, Hong Kong Monetary Authority, dan Central Bank of Chile mengakses mudah tunai daripada kumpulan rizab yang akan memberikan sokongan semasa volatiliti pasaran. Setiap bank pusat menyumbangkan sekurang-kurangnya RMB15 bilion atau jumlah yang sama

[12] *Financial Action Task Force* (FATF)
[13] *Asia/Pacific Group on Money Laundering* (APG) yang dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Australian Federal Police.
[14] *Financial Intelligence Consultative Group* (FICG)
[15] Jaringan keselamatan kewangan menyediakan insurans melalui pembiayaan untuk mengurangkan kesan krisis. Jaringan keselamatan ini mempunyai empat lapisan utama: rizab antarabangsa negara sendiri; pengaturan swap dua hala, iaitu bank-bank pusat menukarkan mata wang untuk menyediakan mudah tunai kepada pasaran kewangan; pengaturan kewangan serantau, iaitu negara mengumpulkan sumber untuk memanfaatkan pembiayaan dalam krisis; dan IMF. (Sumber: IMF)

dalam USD kepada kumpulan rizab ini yang disimpan oleh BIS yang ditugaskan untuk melaksanakan pengaturan ini.

Bank juga memperbaharui Perjanjian Swap Mata Wang Tempatan Dua Hala dengan Bank Indonesia pada bulan September 2022. Perjanjian tersebut pertama kali ditandatangani pada tahun 2019 dan menyediakan mudah tunai hingga RM8 bilion atau IDR28 trilion yang bertindak sebagai kemudahan penahan (*backstop*) untuk mengurangkan pergeseran dalam penyelesaian rentas sempadan.

Bank juga menggalakkan perbincangan mengenai jaringan keselamatan kewangan dengan menganjurkan Meja Bulat mengenai Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau (*Roundtable on Regional Financial Safety Net*, RSFN)[16] pada bulan Ogos 2022. Perbincangan tertumpu pada cara RSFN di Asia Timur boleh memainkan peranan yang lebih berfungsi dan penting dalam rangka kerja jaringan keselamatan kewangan global. Khususnya, peserta Meja Bulat berinteraksi tentang kepentingan Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM) sebagai pengaturan jaringan keselamatan yang boleh boleh digunakan dan diakses oleh ahli serta berteraskan semangat kerjasama dan bantu diri.

Perkongsian pengetahuan bidang perbankan pusat yang berkaitan: Kestabilan kewangan dan monetari di rantau ini hanya boleh wujud sekiranya semua bank pusat berkongsi kemahiran bertahap tinggi, terutamanya dalam bidang yang agak baharu seperti kewangan mampan. Bank bersama-sama dengan SEACEN Centre telah membangunkan *ASEAN Learning Curriculum on Sustainable Finance* pada tahun 2021. Program-program bina upaya berdasarkan kurikulum ini telah diperkenalkan untuk bank-bank pusat serantau pada tahun 2022. Selain itu, dengan memanfaatkan *International Centre for Settlement of Investment Dispute*, Bank melaksanakan *ASEAN Investor-State Dispute Settlement* (ISDS) *Capacity Building Programme* daripada bulan Februari hingga April. Program yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai mekanisme ISDS dan amalan kemahiran dalam proses penyelesaian pertikaian dihadiri hampir 100 orang peserta bank-bank pusat, kementerian dan agensi kerajaan dari semua negara ASEAN.

[16] Meja Bulat mengenai Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau. 19 bank pusat, kementerian kewangan dan organisasi antarabangsa menyertai acara ini, termasuk Monetary Authority of Singapore; Bank Indonesia; Kementerian Kewangan China, Jepun dan Brunei Darussalam; dan ASEAN+3 Macroeconomic Research.

Pada tahun 2022, Bank telah menjalankan 42 program bina upaya sebagai tindak balas terhadap permintaan daripada 20 buah negara, termasuk negara anggota ASEAN, Turkiye, Korea Selatan, Brazil dan Sri Lanka. Program-program ini memberikan tumpuan pada bidang kewangan Islam, sistem pembayaran dan pengurusan wang tunai. Program ini juga memberikan peluang kepada Bank untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh melalui perkongsian pengalaman dan pembelajaran antara Bank dengan rakan-rakan antarabangsa.

Memperkukuh integrasi untuk perdagangan dan pelaburan: Bagi menggalakkan tahap perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi dalam rantau ini, Bank menandatangani *Memorandum of Understanding on Cooperation in Regional Payment Connectivity* (RPC) dengan *Monetary Authority of Singapore, Bank Indonesia, Bank of Thailand dan Bangko Sentral ng Pilipinas*. RPC ini akan membolehkan pembayaran inklusif yang lebih cepat dan lebih murah dalam kalangan 5 negara melalui penyertaan dalam fasa Projek Nexus seterusnya, iaitu inisiatif untuk menghubungkan sistem pembayaran masa nyata negara peserta melalui model salinghubung pelbagai hala. Sehubungan dengan itu, kesalinghubungan pembayaran serantau yang lebih erat dijangka menjadi penyumbang utama terhadap pemulihan ekonomi dan pertumbuhan inklusif serantau. Usaha Bank untuk mempertingkatkan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan termasuk penyertaan dalam Projek Nexus diperincikan dalam Bab 1.5: *Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap*.

Sebagai pengawal selia sektor kewangan, Bank memainkan peranan yang aktif dalam menyokong penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan dan pelaburan antarabangsa serta rangka kerja kerjasama. Bank merundingkan elemen yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan kewangan dan hal-hal pelaburan untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan dan pada masa yang sama memajukan bidang keutamaan negara. Pada tahun 2022, Bank mengambil bahagian dalam semakan *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement dan Frameworks on Cooperation in Digital Economy and Green Economy* dengan Singapura, serta pengembangan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye.

Langkah Selanjutnya

Dalam keadaan prospek persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan yang mencabar pada tahun 2023, kerjasama antarabangsa dan usaha kolektif adalah penting untuk meningkatkan kesedaran bersama mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan. Kerjasama ini bertujuan untuk menggalakkan sistem monetari dan kewangan global dan serantau dan pada masa yang sama mengukuhkan daya tahan ekonomi.

Bank akan terus bekerjasama dengan rakan serantau dan rakan strategik untuk memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan serantau, melaksanakan agenda kemampanan dan perubahan iklim serta mempercepat pendigitalan dan rangkuman kewangan selanjutnya.